

UPM anjur Bengkel Pelan Strategik Nexus Keterjaminan Makanan IPT



SERDANG, 18 Sept – Univeristi Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Bengkel Pelan Startegi Nexus Keterjaminan Makanan bagi membincangkan strategi meningkatkan keterjaminan makanan dalam kalangan IPT di Malaysia.



Ini selaras dengan Matlamat 4, Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu memperkasakan pertanian dan ketahanan sekuriti makanan.

Turut hadir, pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) UPM, Prof Dr. Anjas Asmara @Abd Hadi Samsudin. Timbalan Naib Canselor, UPM, Prof Dato Dr. Zulkifli Idrus, dan Timbalan pengarah (Dasar & Pendigital ICT), UPM, Prof Madya Dr Nurfadlina Mohd Shareef.



Dalam pada itu, bengkel ini berkesinambungan UPM's Blueprint For Food Security iaitu UPM sebagai Pusat Sekuriti Makanan Negara yang terus cakna dalam mewujudkan ekosistem yang selaras dalam lonjakan keterjaminan makanan UPM yang merangkumi Modal insan, Teknologi dan Inovasi dan Pengupayaan Komuniti Tani.